

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 OCTOBER 2016

Dr. Mahathir akui sukar tumbangkan BN ^{UM} - 10/10/2016

LUMUT 9 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui sukar untuk pihak pembangkang menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana mempunyai gabungan parti komponen yang besar dan matlamat perjuangan yang sama.

Beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, kerjasama dalam kalangan komponen BN amat berbeza dengan parti pembangkang yang masih berbeza aliran dan matlamat perjuangan.

Katanya, kerana mempunyai parti komponen yang besar, adalah mudah bagi calon BN untuk mendapat sokongan daripada kesemua parti komponen dalam pilihan raya.

“Hendak menjatuhkan kerajaan bukan mudah. Saya tahulah sebab saya dahulu pun Perdana Menteri. Terutama parti kerajaan Malaysia kerana ia merupakan

satu parti gabungan 14 parti yang digunakan oleh BN untuk membantu sesama mereka.

“Letak satu calon sahaja, 14 parti akan sokong, sudah tentulah calon mereka akan menang,” katanya ketika berucap melancarkan PPBM negeri Perak di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Menurut Dr. Mahathir, parti lawan sebaliknya selalu kalah dalam pilihan raya kerana masing-masing hanya berfikir dan pentingkan parti sendiri.

Kata beliau, parti pembangkang tidak berfikir sebagai sebuah parti yang bersatu padu sehinggalah berbalah dalam soal pemilihan calon untuk bertanding dalam pilihan raya.

Begitupun, kata Dr. Mahathir,

parti-parti pembangkang mulai sedar akan perkara tersebut lalu membentuk satu gabungan, namun ia tidak kemas.

“Jika mahu menumbangkan kerajaan BN, ketepikan lain-lain perjuangan, sebaliknya tumpu kepada satu perjuangan sahaja iaitu menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Selagi parti pembangkang berjuang untuk parti mereka sahaja, selagi itu mereka akan kalah,” katanya.

Dr. Mahathir turut menegaskan parti pembangkang perlu meletakkan calon satu lawan satu untuk menentang calon BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

“Tidak kira parti mana sekali pun sama ada DAP, PKR, Parti Amanah Negara atau mana-mana parti yang bersetuju dengan PPBM, perlu menyokong calon yang dipilih,” katanya.